

PM saran lebihkan iklan2 kawasan bersejarah

UM 31 AUG 1985



MELAKA 30 Ogos - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menyarankan

pihak-pihak yang terlibat dengan program pelancongan supaya menumpukan perhatian yang lebih kepada iklan-iklan yang menggambarkan kawasan bersejarah dan menarik untuk dikunjungi di negara ini.

Beliau berkata, gambaran yang jelas mengenai kawasan - kawasan bersejarah dan menarik adalah perlu walaupun ia mungkin tidak memberi keuntungan yang berlipat ganda kepada pihak berkenaan.

Perdana Menteri juga kesal kerana selama ini pihak-pihak yang terlibat dengan pelancongan hanya berusaha untuk membawa para pelancong tempatan ke luar negeri dari cuba membawa pelancong luar ke dalam negara sendiri.

Berucap merasmikan upacara pecah tanah Melaka Country Club dan Air Keruh Valley Condominium yang bernilai \$100 juta dekat sini malam ini, beliau menjelaskan pelancongan merupakan satu dari tiga aspek perusahaan yang ditekankan dan diberi keutamaan di negara ini.

"Kerajaan telah mempe-

runtukkan sebanyak \$1 bilion untuk bank-bank di Malaysia supaya mereka dapat memberi pinjaman kepada pengusaha - pengusaha projek pelancongan dengan faedah yang lebih murah," tambah Perdana Menteri.

Beliau juga berkata sekarang iklan-iklan pelancongan banyak ditumpukan kepada kemudahan - kemudahan asas seperti keselesaan penerbangan, hotel dan pengangkutan lain dari menjelaskan bahawa Malaysia adalah destinasi pelancongan yang menarik.

"Oleh yang demikian, satu tindakan yang perlu diambil ialah penyertaan iklan yang menarik mengenai destinasi pelancongan supaya pelawat - pelawat asing tertarik dengan kedudukan semulajadi negara ini yang tersendiri," kata beliau.

Namun begitu Perdana Menteri tidak menafikan bahawa Malaysia memiliki banyak hotel yang bermutu tinggi dan dengan sumber yang ada negara ini memiliki potensi untuk berkembang sebagai kawasan pelancongan.

Katanya, kerajaan sentiasa berharap pelancongan akan menjadi industri yang besar di negara ini. Pelancongan kata Perdana Menteri akan dapat mengurangkan pengaliran tukaran asing ke negara luar.

Menyentuh mengenai Melaka sebagai hos pertama merayakan Hari Kebangsaan Ke-28 di luar Kuala Lumpur Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat ia merupakan satu penghargaan kepada negeri yang dianggap paling bersejarah di Malaysia.